

27/04/2002

PM tinjau kecanggihan e-buku

I-Bhd, yang akan memperkenalkan buku elektronik (e-buku) ke pasaran mulai pertengahan tahun ini, mempamerkan produk itu di gerainya sempena Minggu Saham Amanah Malaysia 2002 (MSAM 2002).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengunjungi gerai pameran I-Bhd sempena penutup MSAM 2002 di Alor Setar semalam, sempat meninjau kecanggihan e-buku itu.

Dr Mahathir berkata, beliau gembira dengan inisiatif I-Bhd memperkenalkan produk canggih berkenaan kerana ia dapat meningkatkan tahap sekolah pintar di negara ini.

Beliau berkata, dengan menerima teknologi terbaru, warga Malaysia akan membantu negara mencapai matlamatnya untuk muncul sebagai negara maju pada masa depan.

Pengarah Eksekutif I-Bhd, Monica Ong (kiri ) berkata, e-buku mempunyai keupayaan memindah turun 40 buku teks menggunakan kad ingatan 8MB. Hadir sama, Pengerusi I-Bhd, Datuk Lim Kim Hong (kanan ).

Sebagai produk digital canggih yang dikeluarkan I-Bhd selaras konsep rumah pintar i-Home yang dibangunkannya, ingatan e-buku itu boleh ditingkatkan kepada 64MB jika diperlukan.

(END)